

0553

R B977 BAH  
MAHATHIR - UMNO

KUALA TERENGGANU, 24 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA TIDAK ADA BUKTI YANG JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA UMNO ASAL MEMPUNYAI 1.4 JUTA AHLI DAN KEMUNGKINAN BILANGAN ITU KURANG DARIPADA YANG DISEBUT SEBELUM INI.

KATANYA, INI BERLAKU KERANA ADA DI KALANGAN BAHAGIAN UMNO YANG TIDAK MENGHANTAR LAPORAN TEPAT MENGENAI KEANGGOTAAN MASING-MASING KEPADA PIHAK TERTINGGI PARTI SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG PARTI BERMULA.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG SULTAN MAHMUD DEKAT SINI SEBELUM PULANG KE KUALA LUMPUR HARI INI, BELIAU BERKATA BAHAGIAN-BAHAGIAN ITU BERBUAT DEMIKIAN UNTUK MELAYAKKAN MEREKA MENGHANTAR PERWAKILAN KE PERHIMPUNAN AGUNG PARTI.

MENURUTNYA, PERKARA INI TELAH DISELIDIKI DAN IA BERLAKU SEJAK PERHIMPUNAN AGUNG PARTI TAHUN 1982 DAN 1984.

KATANYA, DIBAWAH SISTEM LAMA PARTI, HANYA BAHAGIAN YANG MEMPUNYAI KEAHLIAN 5,000 ORANG ATAU LEBIH LAYAK MENGHANTAR 11 ORANG UNTUK MEWAKILI BAHAGIAN BERKENAAN KE PERHIMPUNAN AGUNG PARTI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, BAHAGIAN YANG MEMPUNYAI KURANG AHLI BERKENAAN TELAH MEMBUAT LAPORAN YANG TIDAK TEPAT KEPADA PIHAK TERTINGGI PARTI SEMATA-MATA MAHU MENGHANTAR WAKIL KE PERHIMPUNAN AGUNG. --LAGI

1220MST 24 06 88

D559

U B978 BAH  
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA TERENGGANU

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA JIKA UMNO MEMPEROLEHI 700,000 ANGGOTA, IA SUDAH DIANGGAP BAIK KERANA BILANGAN ANGGOTA UMNO YANG DIHARAMKAN DIDAKWA SERAMAI 1.4 JUTA ORANG SEBELUM INI ADALAH TIDAK TEPAT.

BELIAU BERKATA, UMNO MEMERLUKAN 700,000 ORANG ANGGOTA MEMANDANGKAN JUMLAH ITU KEMUNGKINAN LEBIH RAMAI DARIPADA JUMLAH SEBENAR ANGGOTA UMNO.

MELALUI PENDAFTARAN KEANGGOTAAN PARTI YANG SEDANG DIJALANKAN, IA SECARA LANGSUNG DAPAT MENGENALPASTI JUMLAH SEBENAR KEANGGOTAAN UMNO YANG DIHARAMKAN, KATANYA.

BELIAU MENAMBAH KATA, GERAKAN MENDAFTAR ANGGOTA UMNO SEDANG RANCAK DIJALANKAN DI SELURUH NEGARA DAN BILANGAN YANG MEMOHON MENJADI ANGGOTA PARTI ITU ADALAH RAMAI.

BAGAIMANAPUN, PROSES MELULUSKAN PERMOHONAN MEREKA TERPAKSA MENGAMBIL MASA KERANA KELULUSAN ITU HANYA DIBUAT OLEH MAJLIS TERTINGGI PARTI DAN TIDAK LAGI DI PERINGKAT BAHAGIAN SEPERTI DULU.

BELIAU JUGA BERKATA PARTI ITU SEDANG BERUSAHA MENARIK LEBIH RAMAI GOLONGAN PROFESIONAL DAN TERPELAJAR MENYERTAI UMNO MELALUI PENERANGAN SEBAGAI USAHA MENGUKUTKAN JENTERA UMNO. --LAGI  
1245MST 24 06 88

D561

U B979 BAH  
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA TERENGGANU

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARTI TIDAK MENYEDIAKAN SEBARANG INSENTIF BAGI GOLONGAN BERKENAAN SEKIRANYA MEREKA MENYERTAI UMNO.

BAGAIMANAPUN, TAMBAH BELIAU, PARTI PERLU MENERANGKAN KEPADA MEREKA MENGENAI PERJUANGAN PARTI YANG MEMBERI BANYAK MANAFAAT KEPADA MEREKA, ANGGOTA DAN PARTI ITU.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN MEMBENARKAN KAKITANGANNYA TERUTAMA DARIPADA KUMPULAN A MENYERTAI UMNO BAGAIMANAPUN MEREKA TIDAK DIBENARKAN MEMEGANG SEBARANG JAWATAN DALAM PARTI.

KATANYA, WALAUPUN MEREKA TIDAK BOLEH MEMEGANG SEBARANG JAWATAN DALAM PARTI, NAMUN MEREKA BOLEH MELUAHKAN PENDAPAT Masing-masing AGAR IA DAPAT MENGUKUHKAN PARTI PADA MASA DEPAN.

PARTI SEDAR RAMAI PROFESIONAL DAN TERPELAJAR BERMINAT MENYERTAI PARTI DAN DISEBABKAN ITU UMNO AKAN TERUS BERUSAHA MENARIK GOLONGAN ITU MENYERTAINYA. --BERNAMA  
1248MST 24 06 88